

4.7.2026  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

## **“LOJI RAWATAN AIR KOMPAK” BERNILAI RM8.1 JUTA DI SEBERANG PERAI SELATAN (SPS)**

- **Sebanyak 6.4 juta liter sehari (JLH) air terawat tambahan kini dibekalkan di SPS sebagai penyelesaian sementara.**

PULAU PINANG, Sabtu, 4.7.2026: Sejak Mac 2025, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) telah mengoperasikan sebuah “Loji Rawatan Air Kompak” (LRA Kompak) di Seberang Perai Selatan (SPS) bagi menghasilkan lebih banyak air terawat untuk dibekalkan kepada pengguna di daerah tersebut.

Loji Rawatan Air Kompak ini memanfaatkan sumber air mentah dari Sungai Kerian, yang menjadi sempadan semula jadi antara Pulau Pinang dan Perak, dan mampu menghasilkan sehingga 6.4 juta liter sehari (JLH) air terawat.

Air terawat yang dihasilkan oleh LRA Kompak ini kini dibekalkan kepada kira-kira 4,000 pengguna air di kawasan berhampiran. Loji ini merupakan penyelesaian kejuruteraan sementara bagi tempoh tiga tahun untuk memenuhi keperluan bekalan air yang semakin meningkat di SPS.

### **Data utama bekalan air di SPS**

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), penduduk di SPS dianggarkan seramai 189,500 orang pada tahun 2025.

Rekod PBAPP menunjukkan terdapat 87,611 pengguna air berdaftar di SPS.

Purata penggunaan air di daerah ini adalah 116.8 JLH pada tahun 2025, iaitu kira-kira 13.5% daripada jumlah purata penggunaan air sebanyak 865 JLH yang direkodkan bagi Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, penggunaan air di SPS dijangka meningkat dengan ketara berikutan pembangunan *Batu Kawan Industrial Park 3* (BKIP3) bernilai RM2.2 bilion yang meliputi kawasan seluas kira-kira 165 hektar.

Keperluan penggunaan air di BKIP3 diunjurkan mencecah kira-kira 220 JLH pada dekad 2030-an.

Selain itu, projek pembangunan hartanah SkyWorld Cassia serta cadangan pembinaan kilang semikonduktor Siliconware Precision di SPS juga dijangka meningkatkan lagi

permintaan bekalan air di daerah ini pada dekad 2030-an.

Walau bagaimanapun, penggunaan air di SPS dijangka meningkat dengan ketara berikutan pembangunan Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3) bernilai RM2.2 bilion yang meliputi kawasan seluas kira-kira 165 hektar.

Permintaan bekalan air di BKIP3 diunjurkan mencecah kira-kira 220 JLH pada dekad 2030-an.

Selain itu, projek pembangunan SkyWorld Cassia serta cadangan pembinaan kilang semikonduktor Siliconware Precision di SPS juga bakal menyumbang kepada peningkatan permintaan bekalan air di daerah ini pada dekad yang sama.

### **Penyelesaian bekalan air jangka sederhana dan panjang PBAPP untuk SPS**

Pada masa ini, bekalan air terawat di SPS disalurkan daripada tiga kemudahan utama: LRA Sungai Dua di Seberang Perai Utara, LRA Bukit Panchor di SPS dan LRA Kompak di Sungai Kerian.

Pada tahun 2027, PBAPP akan mula memulakan operasi sebuah LRA baharu berkapasiti 80 JLH yang dibangunkan menerusi kaedah Bina-Kendali-Pindah (*Build-Operate-Transfer, BOT*) dengan menggunakan sumber air mentah dari Sungai Kerian bagi meningkatkan lagi bekalan air terawat di SPS. Maklumat lanjut mengenai projek ini akan diumumkan dalam masa terdekat.

Menjelang tahun 2030, LRA Sungai Kerian berkapasiti 114 JLH, yang merupakan salah satu projek di bawah Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) PBAPP, akan mula beroperasi bagi memperkukuh kestabilan perkhidmatan bekalan air di SPS.

Menjelang tahun 2031, Projek Air Perak-Pulau Pinang (P-PWP) dijangka mula beroperasi dengan membekalkan antara 300 JLH hingga 500 JLH air terawat dari Perak ke SPS bagi memastikan kecukupan bekalan air pada dekad 2030-an. Bekalan air terawat daripada P-PWP akan disalurkan kepada pengguna di SPS dan SPT.

Di bawah kepimpinan YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, PBAPP sedang melaksanakan penyelesaian bekalan air yang mampan, praktikal dan berdaya tahan di SPS bagi memastikan kecukupan bekalan air untuk menyokong pembangunan sosioekonomi negeri pada dekad 2030-an. Kami tidak akan membenarkan kemajuan Pulau Pinang terbantut akibat kekurangan bekalan air.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
E-mel : [comms@pba.com.my](mailto:comms@pba.com.my)